



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
Department Of Veterinary Services
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2
No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4
62630 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000
Faks : 603-8888 6021
E-mel : pro@dvs.gov.my
Laman Web : www.dvs.gov.my

SIARAN MEDIA

SAMBUTAN HARI VETERINAR DAN HARI BERTEMU PELANGGAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)

21 APRIL 2026

DI ROYALE PALACE, CYBERJAYA

CYBERJAYA, 21 April - Sambutan Hari Veterinar dan Hari Bertemu Pelanggan Tahun 2026 (SHV2026) anjuran Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah diadakan pada 21 April 2026 bertempat di Royale Palace, Cyberjaya.

YBhg. Dato' Luqman bin Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah hadir merasmikan SHV2026 diiringi YBhg. Datuk Dr. Mohd Noor Hisham bin Mohd Haron, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar.

Bertemakan “**Veterinarians: Guardians of Food and Health**”, sambutan pada tahun ini menekankan peranan pentingnya profesion veterinar sebagai barisan hadapan dalam melindungi rantai bekalan makanan bagi memastikan keterjaminan serta kesihatan masyarakat secara menyeluruh.

Dalam landskap global yang semakin mencabar, termasuk krisis perang Timur Tengah yang memberi kesan kepada rantai bekalan makanan dunia, peranan sektor veterinar menjadi semakin kritikal. Perkembangan semasa dalam bekalan tenaga, logistik serta input pertanian seperti baja dan makanan ternakan telah

mendorong peningkatan kos pengeluaran makanan serta memerlukan penyesuaian dalam pengurusan rantai bekalan global. Keadaan ini secara tidak langsung menggalakkan negara-negara pengimport makanan, termasuk Malaysia, untuk terus memperkukuh keupayaan pengeluaran domestik.

Sehubungan itu, profesion veterinar memainkan peranan strategik dalam memastikan bekalan makanan negara sentiasa terjamin melalui pemantauan kesihatan ternakan, peningkatan produktiviti ladang, kawalan penyakit serta pelaksanaan amalan biosekuriti yang berkesan. Kepakaran warga veterinar dalam mengurus kesihatan haiwan dan sistem pengeluaran ternakan adalah kunci kepada peningkatan tahap sara diri negara serta pengurangan kebergantungan kepada import makanan.

Peranan ini merangkumi kawalan penyakit haiwan, pencegahan penyakit zoonotik, pemantauan keselamatan produk berasaskan haiwan, serta sokongan kepada pembangunan industri ternakan yang mampan.

Selain itu, warga veterinar turut berperanan penting menjadi tunjang dalam memelihara kebajikan haiwan serta menyokong pendekatan **“One Health”**, yang menghubungkan kesihatan haiwan, manusia dan alam sekitar secara holistik. Usaha ini amat penting dalam menghadapi ancaman penyakit berjangkit yang boleh memberi kesan kepada kesihatan awam dan ekonomi negara.

Tanggungjawab dan peranan DVS turut diselaraskan dalam Dasar Agromakanan Negara 2.0 dengan meletakkan sasaran kadar sara diri (SSR) contohnya seperti daging lembu/ kerbau sebanyak 50% pada tahun 2030. Selain daging lembu/ kerbau, di bawah DAN 2.0 juga, KPKM melalui DVS menyasarkan kadar SSR pengeluaran

hasilan ternakan daging ayam/ itik 140%, telur ayam/ itik 123%, susu segar 100% dan daging kambing/ bebiri sebanyak 30%.

Sempena dengan sambutan Hari Veterinar 2026, lima (5) kategori Anugerah Veterinawan Cemerlang telah turut disampaikan iaitu Anugerah Perkhidmatan Veterinar, Anugerah Pendidikan Veterinar, Anugerah Pembangunan Industri Ruminan, Anugerah Kebajikan Haiwan, dan Anugerah Pelajar Perubatan Veterinar

Selain sesi perkongsian ilmu dari penceramah yang berpengalaman luas dalam bidang veterinar, sambutan Hari Veterinar 2026 turut dimeriahkan dengan forum berkisar tema sambutan di mana peranan veterinawan dibincangkan secara lanjut oleh empat (4) panel yang pakar dalam bidang masing-masing dengan kerjasama Malaysian Veterinary Medical Association (MAVMA)

KPKM menerusi DVS akan terus memainkan peranan strategik dalam memastikan bekalan makanan yang selamat, berkualiti dan mencukupi kepada rakyat disamping menjamin kestabilan sektor agromakanan negara.

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
21 APRIL 2026**